

06/05/2002

Ahli MCA mahu kekalkan pemimpin lama

KUALA LUMPUR, Ahad - Lebih 90 peratus daripada 166 bahagian MCA sudah memberikan jaminan untuk mengekalkan barisan kepemimpinan sedia ada menjelang tarikh penamaan calon Jumaat ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata setakat ini, pihaknya gembira dengan perkembangan itu dengan hanya tujuh bahagian masih meneruskan perbincangan untuk menerima cadangan itu.

"Kita masih perlu menerangkan kepada bahagian itu untuk kekal kepada rancangan damai yang digariskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mereka kini berusaha mencari penyelesaian untuk mematuhi keputusan Jawatankuasa Pusat (CC) untuk mengekalkan status quo di semua bahagian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan bangunan baru Institut Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak, di Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR), di sini hari ini.

Institut yang ditubuhkan pada 1993 untuk melatih guru tadika di seluruh negara itu dibiayai Yayasan Pendidikan Huaren.

Dua minggu lalu, kedua-dua kumpulan dalam MCA yang bertelagah bersetuju saranan Perdana Menteri untuk berdamai dan mewujudkan kestabilan dalam parti dengan mengekalkan kepemimpinan sedia ada, termasuk peringkat bahagian, negeri dan pusat sehingga 2005.

Mengenai kedudukan kebanyakan pengerusi Pemuda MCA yang tidak dapat mengekalkan jawatan kerana melebihi had umur 45 tahun, Dr Ling berkata, pihaknya akan mengenal pasti fungsi mereka kepada parti.

"Sebahagian mereka masih menjawat pengerusi bahagian dan menjadi ahli exco. Ada banyak cara sumbangan yang boleh mereka lakukan," katanya.

Sementara itu, mengulas perkara yang sama, Ketua Wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen berkata, mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pelan Perpaduan Wanita MCA kelmarin mendapati lebih 90 peratus menyokong rancangan mengekalkan status quo.

Beliau berkata, hasil maklumat hanya empat bahagian Wanita belum memberikan persetujuan kerana beberapa masalah, seperti kematian ketua baru-baru ini.

"Bagaimanapun, kami percaya semua masalah dapat diselesaikan tidak lama lagi," katanya.

Kira-kira 99 peratus sudah mengalu-alukan rancangan damai. Saya yakin semua pihak akan patuh dengan keputusan itu Jawatankuasa Pusat MCA menetapkan Jumaat ini untuk penamaan calon, manakala pemilihan Pemuda dan Wanita pada 14 Mei dan pemilihan bahagian pada 15 Mei ini.

(END)